

TARIKH	ISNIN, 12 OGOS 2024
AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK ARTIKEL	BERPOTENSI JADI IKON LAPANGAN
M/S	11
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	MANAGEMENT

# Berpotensi jadi ikon lapangan

DOSM jalankan bancia merangkumi tanaman, ternakan, perikanan, perhutanan dan pembalakan

Oleh Mary Victoria Dass  
am@hmetro.com.my

## Pasir Gudang

Bancia Pertanian 2024 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) di Johor mendapati ramai penggiat bidang pertanian di negeri ini berpotensi menjadi ikon dalam lapangan diceburi.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, proses bancia berjalan lancar dengan 35.3 peratus bancia selesai dilakukan di seluruh negara.

Beliau berkata, pihaknya memasuki hari ke 34 bagi melakukan bancia yang dimulakan sejak 7 Julai lalu merangkumi tanaman, ternakan, perikanan, perhutanan dan pembalakan.

Menurutnya, secara keseluruhan bancia dijalankan setakat ini membabitkan 423,195 pengusaha dalam sektor pertanian di seluruh negara.

Katanya, misalnya di Johor, tempat kediaman (TK) dan perubahan perniagaan terbabit dalam sektor pertanian yang dilawati bagi tujuan bancia adalah sebanyak 36.6 peratus.

"Segelintir dalam kalangan yang kita temui ketika melakukan bancia merupakan pekerja dalam sektor pertanian dan bukan yang mengusahakan perusahaan berkecuali."

"Paling penting adalah kita mahu mengumpul dan mendapatkan maklumat serta data yang diperlukan oleh negara daripada pengusaha sendiri termasuk berkaitan hasil, keluasan dan kaedah tanaman."

"Kerajaan memerlukan maklumat berapa peratus penggunaan teknologi dalam sektor pertanian negara," katanya di sidang media ketika menjalankan bancia di Kampung Pasir Gudang Baru di sini, baru-baru ini.

Pihaknya turut melakukan proses bancia di Muar ke Tangkak, Batu Pahat, Ulu Tiram, Masai dan Kulai.

Beliau berkata, pihaknya juga ingin mengumpul maklumat latar belakang pengusaha bagi mengenalpasti sejauh mana sektor pertanian bergerak maju.

Menurutnya, ia juga bagi mengenal pasti pembabitkan pengusaha berpendidikan dan ilmu diadaptasikan dalam teknologi penghasilan pertanian.

Katanya, perkara berkenaan sentiasa dititik beratkan bahawa maklumat diperlukan adalah maklumat realiti dalam lapangan.

"Justeru, saya memimpin pasukan bancia turun padang bagi memastikan dapatan atau penemuan menjadi input penting."

"Dalam kesempatan ini, kita juga berjumpa komuniti dan menemukan pengusaha boleh dijadikan ikon."

"Di Johor ramai dilihat berpotensi menjadi ikon dalam sektor pertanian malah menurut laporan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), sektor Pertanian di negeri Johor menyumbang 11.6 peratus kepada KDNK negeri, dengan nilai tambah sebanyak RM17.21 bilion," katanya.

Beliau berkata, misalnya, terdapat sebuah perusahaan di Johor sebelum ini mengusahakan sawit namun kini diubah kepada tanaman sayuran.

"Pengusaha itu menyatakan hasil menanam 13 ekar tanah menghasilkan hasil sembilan kali ganda lebih tinggi berbanding sawit."

"Bukan saya menyatakan semua perlu beralih namun ia mampu menampung masalah kekurangan barangan terutama makanan selain mewujudkan banyak peluang."

"Ia juga akan dipulangkan balik kepada rakyat



MOHD Uzir (kiri) melihat ternakan kupang yang diusahakan sekumpulan masyarakat Orang Asli di Masai.

yang berdepan dengan kos sara hidup yang bergantung kepada permintaan dan tawaran bekalan barangan.

"Terutama ketika hasil tidak banyak atau kurang berpunca dari iklim, dengan teknologi dan kaedah tertentu, perusahaan itu tidak akan hanyut dan perniagaan yang berdaya maju ini tidak terpengaruh dengan iklim sebegini, faktor itu boleh dimitigasi," katanya.

Mohd Uzir berkata, pihaknya juga bangga dengan usaha sekumpulan Orang Asli di Masai yang mengusahakan ternakan kupang secara komersial.

"Saya berkesempatan menemukan lebih 90 keluarga atau 300 penduduk mengusahakan ternakan kupang."

"Negeri Johor direkodkan sebagai pengeluar

kupang terbesar di negara ini, dengan pengeluaran lebih dua ribu metrik tan setiap tahun dan nilai eksport sejumlah RM 4.7 juta.

"Saya melihat potensi dan usaha gigih dilaksanakan mereka yang dimulakan sejak 2003 serta menghasilkan pulangan berganda."

"Usaha gigih dan berani berubah adalah teras yang kita nampak berdasarkan kisah kejayaan dikecapi petani," katanya.

Mohd Uzir berkata, di Muar misalnya ada petani menggabungkan aktiviti hulu dan hiliran.

Beliau berkata, mereka mengusahakan ternakan dan sayuran di kawasan seluar 18 ekar dan menjualnya sendiri termasuk di restoran dimiliki.

"Dalam keadaan ini, isu harga turun barang mereka dapat ditangani dengan baik kerana mereka

tidak bergantung kepada pihak lain untuk memasarkan barangan."

"Jadi amat jelas sektor pertanian berpotensi berdasarkan dapatan kita peroleh, rata-rata mereka lakukan adalah menggabungkan pertanian dengan hulu, hiliran dan sampingan."

"Ia menyebabkan value crushed dan survival dalam sektor pertanian adalah tinggi dan inilah diamalkan di negara maju."

"Istilah petani yang dikaitkan dengan kesusahan adalah tidak lagi semestinya ada, apa yang penting adalah kerajinan dan data menunjukkan dengan teknik, teknologi pasti produktiviti atau penghasilan dapat ditingkatkan," katanya.

Beliau berkata, ramai dalam kalangan petani perlu bergerak ke pertanian di peringkat baharu.

"Kami juga dalam proses penyemakan dan bancia dalam menghasilkan profil pengusaha untuk melihat pembabitkan golongan belia dalam pertanian."

"Mereka yang sudah sudah berusia berharap pembabitkan golongan belia supaya terdapat kesinambungan dan kami mendapati bimbingan veteran kepada belia adalah menarik."

"Ada yang berusia 70 tahun memberi bimbingan kepada belia ia suatu perkara baik dalam lapangan ini," katanya.

Beliau berkata, rata-rata golongan petani juga menghargai peranan agensi dan kementerian berkaitan.

"Beberapa perkara perlu ditambah baik dan data akan dibentangkan supaya kekangan dan kekurangan berlaku, dapat dilihat agensi."

"Kami hanya memiliki kepakaran dalam segi statistik manakala di peringkat agensi mereka memiliki kepakaran dalam bidang masing-masing bagi mengurus sektor pertanian dan kerjasama kolaborasi erat ini amat diperlukan," katanya.

Bancia Pertanian 2024 memainkan peranan penting dalam perancangan dan pembangunan negara. Bancia ini menyediakan maklumat yang diperlukan untuk menyediakan penunjuk pertanian bagi tujuan sosioekonomi.

Bancia Pertanian 2024 di negeri Johor ini akan membabitkan 193,095 TK dan 3,134 perubahan perniagaan yang terbabit dalam aktiviti pertanian.



OPERASI Bancia Pertanian 2024 di Johor bersama pengusaha kupang Orang Asli di Kampung Kuala Masai, Pasir Gudang, Johor. - Gambar NSTP/NUR AISYAH MAZALAN

DISEDIAKAN  
OLEH

NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM  
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM